

## BAB II

# BIOGRAFI ROSLI DHOBY

#### A. Asal-Usul Rosli Dhoby

Kampung Pulo merupakan antara Kampung Melayu yang terbesar di kabupaten Sibu pada tahun 1940-an dan awal 1950-an. Terdapat tiga bahagian kampung berkenaan,yaitu Kampung Pulo Berendam,Kampung Pulo Tengah dan Kampung Pulo Pasar.<sup>13</sup>Namun,Kampung Pulo terpaksa memberi laluan kepada pembangunan pesat bandar Sibu pada tahun 1954 dan kini merupakan tempat letaknya kawasan perniagaan di Kabupaten Sibu.

Rosli Dhoby lahir pada 18 Mac 1932 di nomer 94, Kampung Pulo daripada pasangan Dhoby bin Buang dan Habibah binti Haji Lamit

Di belakang rumah Rosli Dhoby ada hutan dan sungai lembangan di situ lah beliau dan kawan-kawannya kadangkala bermain dan mandi-manda. kebanyakkan penduduk yang tinggal di kampung itu ialah orang melayu. suku kaum melayu seperti kebanyakkan peneroka awal tinggal di tepi sungai dan di tengah-tengah bandar sibu sekarang seperti Kampung Nyabor, Kampung datu, Kampung Hiir dan Kampung Nangka. Mereka mempunyai pertalian dengan kesultanan Brunei dan ada daripada mereka berasal dari Indonesia. Berdasarkan gambar tujuh orang ahli jawatankuasa Kampung Pulo yang diambil pada tahun 1938, lima orang mereka didapati memakai belankon di kepala, Manakala dua orang lagi brsongkok dan berseluar

<sup>13</sup> Awang Mohd Jamil Sufri, *Tarsilah Brunei Sejarah Awal dan Perkembangan Islam* (Bandar Seri Begawan, 2008), 55.

panjang. sebahagian mereka berkerja dengan kerajaan dan para peniaga cina, Manakala selebih nya berkerja sendiri.

Rumah Dhoby seperti rumah kebanyakan penduduk kampung adalah sederhana sahaja. Rumah satu lantai itu mempunyai tangga dan terdapat empat buah bilik, Termasuk bilik Rosli, Di dalam bilik Rosli terdapat banyak buku, Namun dia tidak mempunyai rak untuk menyimpan buku berkenaan, Terdapat sebuah katil kecil di dalam biliknya, Sebuah kerusi dan sebuah meja kecil untuk beliau membaca buku dan membuat rancangan pengajaran.Rosli juga mempunyai radio kecil di dalam bilik nya, Selalunya dimain untuk mendengar perkembangan isu semasa.rumah Rosli menggunakan lampu gas pada waktu malam.<sup>14</sup>

### **B. Pahlawan Melayu**

Dhoby Buang dikatakan berasal dari indonesia, Daripada keturunan Raden, tetapi gelaran itu tidak digunakan ketika sampai ke Sibu.Dhoby juga berasal daripada keluarga pahlawan melayu dari palembang dan lama menetap di kuching sebelum berhijrah ke Sibu. Habibah, ibu Rosli dikatakan berasal daripada keluarga sambas dan lama menetap di Mukah. Dalam kalangan kaum keluarga dan sanak saudaranya, Beliau dikenali sebagai Bu Ibot.

Dhoby juga pernah menjadi bilal di masjid dan umat islam di sekitar tahu apabila beliau melaungkan Azan pada masuknya waktu solat para

<sup>14</sup>Bolhassan Bin Ainnie, *Wawancara*, Sibu, 19 April 2016.

penduduk hidup dalam kondisi aman tetapi isu penyerahan Sarawak telah menimbulkan permusuhan sesama penduduk,Termauk mereka di kampung Haji Adam,Kampung Pulo,Kampung Pulo Berendam,Kampung Baru dan Kampung Pak Dris.

Pasangan itu mempunyai tiga orang anak,yaitu Fatimah yang dilahirkan pada 1928,Rosli 1932,dan Ainnie,yang memecahkan tangis pertamanya pada 1933.Fatimah menemui jodohnya dengan Abang Hamdan Abang haji Kadir,Dan mereka dikurniakan 13 orang anak.Ainnie Dhoby seorang ahli politik terkenal pada tahun 1960-an.meninggal dunia pada usia muda yaitu 39 tahun pada 1973.Ainnie mendirikan rumah tangga dengan Hadiah binti Haji Din dan dikurniakan enam orang anak,yaitu Musa,Iskandar,Bolhassan,Sabrina,Saharuddin dan Hanisah.

Ainnie kemudiannya menjadi ahli Council Negeri selepas memenangi Pemilu pada 1963.Dhoby menyara keluarganya dengan berkerja sebagai mandur di *Public works department (PWD)*.Dhoby mendidik anaknya dengan disiplin yang ketat,Dan begitu mengutamakan pendidikan agama.meskipun tegas dalam mendidik anak-anaknya, Namun merotan bukan satu daripada cara beliau mendispinkan mereka. Dia mahu melihat anak nya berjaya dalam pelajaran.

Makanan kegemaran Rosli ialah nasi goreng,ikan kembung goreng asam pedas dan Rosli suka minum teh. Seperti orang kampung lain pada waktu itu,Rosli juga suka makan ulam dan pelbagai jenis ubi keledek,keladi,dan kentang.Rosli tidak cerewet pasal makan,minum dan

pakaianya.Ibunya yang suka memasak juga sering memasak kegemaran Rosli adalah sayur kacang ikan senangin asam pedas.penampilannya kemas,segak,bergaya sederhana serta bersahaja. Rambutnya disikat dari kiri ke kanan.Rosli suka berdikari, Patuh kepada ibu bapa dan tidak suka menyusahkan orang lain.Rosli belajar solat dan menaji Al-Quran darpada ayahnya. Dia juga didik sejak kecil supaya mencintai agama dan mengamalkan agama Islam dalam kehidupannya. Pada hari Jumat,Rosli sering mengikuti ayahnya solat Jumaat di masjid sehingga saat kematian,Rosli masih meningati kaum keluarganya agar tidak melupakan solat.

Didikan sedemikian banyak membentuk pribadidan watak beliau ketika remaja. Rosli sering senyum apabila bercakap dan seorang yang peramah. Dia amat menghormati orang, Dan mungkin itulah sebabnya dia disenangi oleh mereka. termasuk bujang suntong.Rosli mempunyai ramai teman, Termasuk jiran tetangganya seperti Abdul Aziz Saiffula.<sup>15</sup> Abdul Aziz berusia 15 Tahun yang juga belajar di sekolah Methodist, Tetapi tidak dalam darjah yang sama dengan Rosli. Belajar di sekolah itu bermaksud Rosli juga perlu belajar kitab Bible.Aziz tinggal selang sebuah rumah dari rumah Rosli di kampong Pulo. Seperti kanak-kanak dan remaja lain,Rosli juga suka bermain layang-layang, Menyabung ayam, Bermain pedang mainan dan bermain guli.Beliau juga suka bermain di pasar yang terletak tidak jauh dari rumahnya.

---

<sup>15</sup>Putet Matzen, *Pendidikan dan Pembangunan Masyarakat seluruh Sarawak* (Sarawak: Jenza, 2007), 107.

Rakan-rakan lain Rosli ialah Noor Tahir,Wan Abu Bakar,Yusuf Merais,Baiee,Abang Othman, Dan Morsidi Sidek. sebahagian daripada Rakan Rosli ialah mereka yang lebih tua daripadanya,dan pergaulan tersebut membantu mematangkan Beliau.Malah,Perwatakan dan wajahnya juga kelihatan lebih matang daripada usianya,kadangkala orang tidak tahu bahawa dia masih lagi belajar. Dalam kalangan kawan-kawannya,kadang-kadang Rosli pandai berjenaka dan jenaknya mencuit hati mereka.Bagi Abang Othman Abang Teh,teman kepada Rosli.Rosli tidak pernah menyakiti hatinya. waktu mesyurat,Rosli sering memakai baju lengan pendekdengan rambut yang bersikat kemas. Dalam pertemuan pada pagi itu,Abang Othman begitu sentimental dan emosi ketika disebut nama Rosli untuk pertama kali Beliau tidak dapat menahan sebaknya, tetapi apabila disebut sahaja tentang peistiwa manis,Termasuk hubungan Rosli dengan Beliau dan Ani,kekasih Rosli, beliau tersenyum lebar mengingati kembali detik-detik manis bersama pejuang itu meskipun ia sudah pun berlalu lebih 60 tahun.Rosli memulakan kerjanya sebagai Guru dan pada sebelah petang mengajar di Sekolah Rakyat Sibu,tapak Hotel Zhura sekarang. Tempat Beliau mengajar itu merupakan antara sekolah yang ditubuhkan oleh kumpulan *anti-cession* selepas sekolah kerajaan banyak ditutup ekoran peletakan jawatan 338 terutamanya daripada kaum guru.

Antara matapelajaran yang di ajarkan di sekolah itu ialah Bahasa Melayu,Tarawik,Agama dan Ilmu Alam. Rosli telah menerima tanggungjawab mengajar matapelajaran Bahasa Melayu kepada

sekitar 40 orang murid. Rosli berjiwa keguruan serta sangat sayang kepada pelajarnya. Rosli juga minat melukis, Dan antara guru yang mengajar bersama-sama beliau di situ ialah Jamaludin Haji Dris.

Rosli dapat disifatkan sebagai anak muda yang pintar dan sentiasa dahagakan ilmu pengetahuan. Pada waktu lapang Rosli suka mendengar radio dan membaca akbar. Akbar kegemaran Rosli ialah *Utusan Sarawak* yang mulai diterbitkan oleh Abang Ikwan Zaini di Kuching pada januari 1949. mingguan *Utusan Sarawak* yang dijual dengan harga 10 sen, Mengantikan *Utusan Asas* dan diterbitkan pada setiap isnin mempunyai empat halaman merupakan satu-satunya koran Melayu terbitan anak tempatan yang beredar di sarawak ketika itu. Akbar berkenaan banyak menyiaran berita politik, Terutama tentang kegiatan antipenyerahan mejelang hujung tahun 1949.<sup>16</sup> Rosli juga suka menonton wayang dan persembahan bangsawan. Panggung Rex menjadi tempat beliau dan rakan-rakannya menonton persembahan berkenaan. Panggung Rex selalu menyiaran filem cina dan kadangkala filem Indonesia dan filem Melayu.

Rosli merupakan pemuda yang berani dan dihormati rakan seperjuangan. Rosli pernah bersekolah di sekolah Abang Ali dan sekolah Methodish. Rosli pernah mengikuti keluarganya berpindah ke Bintangor. di pekan itu, Rosli dan Ainnie disekolahkan ayahnya ke sekolah cina, berdekatan dengan kediaman mereka tidak hairanlah Rosli mengetahuai asas bahasa Mandarin. Rosli juga berkawan dengan beberapa

<sup>16</sup> Sanib bin Abdullah, *Sejarah Penguasaan Kesultanan Brunei* (Kuala Lumpur :Penerbitan Jazim), 56.

pelajar cina di sekolah Chung Hua Sibu.hubungannya dengan kaum cina amat rapat. Beliau sering mengikuti rakan-rakan Cina ke sekolah Chung Hua.

Ketika rakan-rakan cinanya belajar di dalam kelas, Beliau menunggu mereka di luar kelas. Dikisahkan bagaimana Rosli mendengar guru mengajar rakan-rakan nya, Dan mereka dikatakan tidak dapat menjawab soalan yang diajukan kepada guru mereka.

Namun,Rosli menjawab soalan itu dari ruang darjah.Rakan-rakan dan guru mereka terkejut.sebenarnya,Rosli pandai berbahasa Mandrin.Rosli seorang yang kuat berpegang pada disiplin dan meminati buku.apabila melalui kawasan sekolah tersebut,Rosli sering berbual-bual dengan mereka.ini berlaku sesudah zaman jepun.ketika itu,Rosli bersekolah di sekolah Methodis. Ibu bapa dan jiran di belakang rumah mereka sering meminta Rosli membeli barang keperluan dapur seperti gula,kopi, Garam,bawang dan lain –lain kerena Rosli pandai tawar menawar dalam bahasa cina dengan para peniaga Cina.

### C. Pemuda Kreatif

Rosli seorang pemuda yang kreatif,Beliau meminati Bangsawan Melayu. Bersebelahan markas PPM, Disitulah terletaknya tapak bangsawan PPM.Rosli pernah melakonkan watak sebagai hero dalam dalam bangsawan Melayu yang memang mendapat sambutan baik daripada masyarakat Melayu Sibu ketika itu. Meskipun tidak bergiat aktif dalam bangsawan, namun Rosli

mengambil serius terhadap watak yang diberikan kepada Beliau.<sup>17</sup> Selain itu, Beliau bergiat aktif dalam pegerakan pemuda Melayu (PPM). seketika berjuang dalam PPM, Rosli dilantik sebagai penolong setiausaha Agung PPM. ketika berusia belasan tahun Rosli diberi kepercayaan dan tanggungjawab besar dalam perjuangan menentang penjajah British. Namun, Rosli tidak pernah berdabik dada. Beliau menyifatkan jawatan itu sebagai amanah, Bukan nya untuk dibangga-bangga.

Rosli adalah seorang anak muda yang terlibat dengan mesyurat tertinggi PPM dan turut mengemukakan idea dan cadangan dalam merupakan anggota PPM, Namun Dhoby tidak aktif kerena beliau berkhidmat dalam perkhidmatan awam kolonial di jabatan kerja awam. ketika itu, Semua anggota perkhidmatan awam kolonial diharamkan kerena terlibat dengan gerakan antipenyerahan menerusi pekeliling No 9 1946.

Selain sibuk dengan tanggungjawabnya sebagai pelajar di Sekolah Methodish, Rosli juga sibuk dengan peranannya sebagai penolong Setiausaha dan perjuangannya bersama PPM Namun begitu.<sup>18</sup> pelajarannya tidak pernah terjejas. Rosli sering mendapat tempat pertama di dalam kelasnya. Semasa berada di rumah, Rosli suka membaca serta tekun meyiapkan kerja-kerja sekolahnya. Di sisi sahabat karibnya, Rosli peramah dan mudah mesra, Bukannya *gambong* dan *mangah*. Rosli juga seorang yang suka bercanda namun, tegas dan teguh dengan pendiriannya sesiapa yang tidak mengenal Rosli secara dekat, Pasti mengatakan Rosli berlagak dan egois. Seperti

<sup>17</sup> Rudi Afenddie Khalik. *Rosli Dhoby di tali gantung* (Kuching: Gaya Media Sdn Bhd, 2007), 45.

<sup>18</sup> Mohammad Jainal, *Wawancara*, Sibu, 24 April 2016.

bapaknya, Rosli tidak suka beromong-omong kosong kerena dia lebih suka bertukar-tukar fikiran. Rosli juga tidak suka mempersalahkan orang lain dan juga tidak suka memaksa.

Rosli menaiki basikal ke sekolah tempatnya mengajar itu. kondisi sekolah rakyat yang daif, Tanpa kemudahan yang sempurna menyebabkan Beliau berhasrat untuk menumpahkan perhatiannya agar dapat membantu anak-anak kampung agar mendapat pendidikan, Dan seterusnya mengubah nasib mereka. Sekolah rakyat merupakan sekolah didirikan untuk kegunaan rakyat dengan iktiar rakyat sendiri, tanpa bantuan kerajaan Britsh. Sekolah rakyat banyak muncul di serata sarawak, Terutamanya di kuching dan sibu pada ketika itu. Di kuching, Misalnya pada 1949 terdapat tiga buah sekolah rakyat lelaki dan tiga buah sekolah rakyat perempuan.<sup>19</sup>

Kebanyakan sekolah rakyat tidak mempunyai bangunan sendiri, justeru sekolah berkenaan menumpang di rumah orang. Sekolah rakyat di tempat Rosli mengajar sebenarnya ialah milik Tuanku Syed Munir, Ayah Wan Junaidi Syed Munir. Rumah tingkat itu mempunyai anjung, Tetapi telah terpaksa memberi laluan kerena asakan pembangunan di bandar Sibu pada 1980-an. Di belakang sekolah itu.<sup>20</sup> Dihuni oleh keluarga berkenaan yang prihatin terhadap nasib anak bangsa. kehadiran sekolah rakyat itu membuktikan kesedaran rakyat tentang pentingnya pelajaran. Sekolah rakyat di anggap sebagai asas bagi kemajuan anak bangsa pada asa depan. murid-murid yang melanjutkan pelajaran di situ tidak dikenakan sebarang bayaran

<sup>19</sup>Jeniri Amir & Awang Azman Awang Pawi, *Kaul Suatu Interpretasi Sosio budaya* (Massa Kasturi Management, 2001), 103

Rastari Ma

yuran.Dengan kesadaran itulah Rosli sanggup berkorban dengan memberikan seluruh perhatian dan tenaga nya secara sukarela untuk memajukan sekolah rakyat.sebenarnya, Sekolah rakyat yang didirikan oleh rakyat biasa itu adalah sebagai pengganti sekolah yang telah ditutup ekoran daripada angkara Circular No.9.

Kondisi di sekolah itu yang diterajui oleh Wan Kassim Wan Salleh sebagai guru besar memang menyedihkan, Namun Rosli sebagai anak muda tetap bersemangat tinggi untuk mendidik anak bangsa. Beliau tidak rela melihat kanak-kanak terus menderita dan meneruskan penderitaan dalam kemiskinan. Rosli bukan sahaja berdepan dengan masalah kekurangan kemudahan di sekolah itu, Tetapi juga rendahnya semangat dan motivasi kanak-kanak untuk belajar. Gejala ponteng sekolah dan terus berhenti daripada turun ke sekolah dalam kalangan kanak-kanak bukanlah sesuatu yang luar biasa. Kadangkala Rosli terpaksa berjumpa dengan ibu bapa murid-muridnya yang diajar, Memujuk mereka supaya turun ke sekolah.<sup>21</sup>

Beliau juga sudah mempunyai kekasih bernama Ani Ali, Dan Rosli serius dalam hubungan dengan kekasihnya yang berusia tiga tahun lebih tua daripadanya. Perbedaan usia tidak menjadi penghalang kepada cinta mereka.Rosli terpikat dengan budi bahasa, kesopanan dan kelembutan Ani. Beliau senantiasa memelihara dan menjaga hubungan cinta dengan gadis kesayanggan yang tinggal sekampung dengan nya.mereka sering menulis dan berbalas surat cinta. mengikut Abang Othman, Orang tengah untuk

<sup>21</sup>Ibid., 25

menghantar surat kepada Ani ialah Wan Abu Bakar. kekasihnya itu, yang sehingga kini tidak mahu berkhwin. meskipun tidak dapat kerap berjumpa kerena seperti kebiasaan pada waktu itu, Sukar bagi anak muda, Namun mereka berdua sering berutus surat. melalui surat itu Rosli dan Aini dapat meluahkan rasa rindu anak muda yang sedang dilmun cinta yang sangat membara.

Memang menjadi hasrat anak muda itu untuk menjadikan Ani Ali sebagai istrinya. Mereka berjanji untuk hidup semati, Tetapi impian indah itu tidak tercapai. sepasang merpati itu sering bertemu memadu asmara di rumah Abang Rapae pada siang hari,kerena kebetulan di bawah rumah berkenaan ada menjual buku. Rosli yang bersuara lembut dan amat menyangi dan menghormati Aini itu seorang yang mendengar kata,Termasuk kata-kata Abang Osman Abang Teh.<sup>22</sup> temannya isteri Abang Rapae ialah kakan Aini, Dan Aini tinggal di atas kedai dua tingkat yang terletak di sebelah masjid.kedai buku itu menjual pelbagai jenis buku dan di sivilullah Rosli sering membeli alat tulisan buku. Akhirnya,Aini kecewa dan memendam rindu apabila Rosli dihukum gantung. Sampai kini pada usia 80 tahun bekas kekasih Rosli itu bertekad untuk tidak berkahwin.beliau seolah-olah telah hilang keinginan dan semangat untuk mendirikan rumah tangga dengan jejaka lain. Hanya Rosli tetap bersemadi di hatinya, Akibat berduka dan kecewa selepas kematian Rosli, Hajah Aini dikatakan sering menghadiahkan Al-fatihah kepada Almarhum “tidak rindu, Tapi ingat Rosli”kata-kata Hajah Aini.

<sup>22</sup>SuhaimiMokhtar, *PuteraKenyalangSatuDekadPenuhCabaran*, (kuching:fajar bakti), 19.

Bagi kaum keluarga lain, Termasuk sepupunya, menyebut nama Rosli sudah cukup untuk menyebabkan sebak dan berduka. Nama Rosli begitu bererti di jiwa mereka. Mereka tidak dapat melupuskan nama pewira itu di hati semua kenalan-kenalan Rosli. Beliau begitu dekat di hati mereka, Mereka kerap bersedih apabila mengingati kembali peristiwa silam apabila orang menyebut nama Rosli. Rosli seorang yang pintar dan kepintaranya sering diperkatakan oleh ahli keluarganya yang lain. Rosli menjadi contoh kepada anak-anak kaum keluarga mereka dan penduduk kampung. Rosli dikatakan mempunyai cita-cita tinggi dan sentiasa bersemangat untuk belajar.

#### D. Perilaku Dan Semangat Kemerdekaan Rosli Dhoby

Berdasarkan wawancara dengan pelbagai pihak, Terutamanya kaum keluarga di Sibu, Anak muda remaja itu dikenali sebagai mempunyai watak seorang yang pendiam apabila bercakap dia agak tidak *direct*, Dan tidak berselindung-seindung. Bagi mereka yang mengenali Rosli, Anak muda itu disifatkan sebagai orang yang tidak banyak bercakap dan ngomong bila ada keperluan sahaja dan beliau sama sekali tidak suka ngomong soal yang tidak mendatangkan manfaat. Rosli juga seorang yang berbakat dalam penulisan dan sering menulis puisi dengan menggunakan nama samaran. Jiwa kepenyairan dan nasiolisme Rosli terserlah daripada puisi “Panggilanmu yang Suci” yang disiarkan oleh *utusan sarawak* pada Februari 1949. ketika itu jika diteliti karya yang disiaran dalam *fajar sarawak* dan *utusan sarawak*,

Penulis biasanya memakai nama samaran, sebagai strategi untuk mengelak daripada identiti diketahui oleh pihak berkuasa.<sup>23</sup>

Rosli kelihatan berbakat dalam penggunaan bahasa peulisanya mengalir mengalir mudah disebabkan minatnya yang mendalam terhadap pembacaan. Rosli sedar dengan membaca dia dapat menambahkan pengetahuan dan membuka horizon pemikiranya, Selain dapat mempertajamkan bahasanya, Apatah lagi jauh di sudut hatinya ingin menjadi guru dan pemimpin yang hebat.Idolanya Presiden Sukarno,Beliau kagum dengan gaya dan pidato, Perwatakan dan keperibadiannya serta daya kepimpinannya presiden Indonesia itu.beliau juga kagum dengan semangat perjuangan nya dalam menentang Belanda,Tidak hairanlah ketika peristiwa memgemparkan pada 3 Disember 1949 Beliau memakai pakaian Ala Sukarno kerena semangat dan perjuangan Sukarno sentiasa mengalir dalam tubuhnya. Dia turut membaca buku-buku mengenai perjuangan Sukarno dan Rakyat Indonesia membebaskan Negara mereka daripada penjajahan Belanda.

Namun, Sesuai dengan api nasiolisme yang membara ketika itu dek peristiwa antipenyerahan,Rosli turut terkena tempiasnya. Hasrat Rosli dan rakan-rakan adalah untuk mengambil tindakan radikal dengan membunuh mereka dipercayai menjadi dalang atau punca matlamat mereka tidak tercapai.Awang Rambli menjadi orang penting yang membantu Rosli mereslisasikan impian kumpulan berkenaan.ketika mesyuarat untuk membunuh Duncan Steewart dilangsungkan,Rosli dibebankan dengan amanah

<sup>23</sup>Ibid., 25.

dan tanggungjawab berat ke atas pundaknya dengan keyakinan bahawa beliau paling muda, Maka pihak Britsh tidak akan mengenakan hukuman berat ke atas beliau jika di dapati bersalah kemudian nanti.Hal ini demikian kerena menurut undang-undang Britsh pada waktu itu, Sesiapa berumur 17 tahun ke bawah tidak akan dikenakan sebarang hukuman bunuh walaupun di dapati bersalah.dengan keyakinan tersebut,mereka yakin bahawa pihak Britsh pasti akan mengampunkan beliau kalaupun beliau didapati bersalah. Rosli termakan oleh hujah dan alasan ahli-ahli lain dalam mesyurat berkenaan.Awang Rambli menjelaskan memandangkan cara yang dilakukan selama ini tidak mendatangkan hasil yang diingini,Termasuk memasang poster, Maka sudah sampailah ketikanya tindakan yang lebih radika dan berani di ambil.<sup>24</sup>

Hanya dengan pendekatan dan cara demikian,Barulah tujuan mereka dapat dicapai dengan lebih cepat.Tambahan pula,mereka di semarakkan oleh jiwa muda yang ketika itu mempunyai semangat yang tinggi dalam memperjuangkan tanah air. Mereka enggan darah mereka tumpah ke tanah tanpa perjuangan yang gagah. Mereka tidak dapat lagi mengantungkan harapan kepada pihak lain termasuk persatuan seperti PKMS.mereka mengambil jalan singkat meskipun sedar jalan yang dilalui itu berbahaya dan memakan diri. Itulah yang dikatakan”bagai lilin membakar diri”.

Johari Anang telah mengirim surat kepada Awang Rambli pada 17 Agustus 1949. Dalam surat yang mengandungi tiga perenggan itu, Johari

<sup>24</sup>Jeniri Amir & Awang Azman Awang Pawi, *Kaul Suatu Interpretasi Sosio budaya* (Massa Kasturi Management, 2001), 103.

mengimbas kembali bagaimana raja muda Anthony Brooke dalam surat kepada Awang Rambli menyatakan bahawa rakyat sarawak tidak harus berfikir bahawa mereka selamat jika pegawai Britsh keluar dari sarawak. Beliau tergelak dengan kenyataan itu yang dianggap sebagai lucu dan tidak munasabah bagi Johari, jika Britsh hendak balik, teruskan sahaja hasrat itu. Bagi Beliau, Rakyat sarawak tidak harus risau kerena tidak sukar untuk mencari pengganti bagi mengisi kekosongan yang ditinggalkan itu. Mengikut tafsiran Beliau, Seperti yang terkandung dalam surat kepada Awang Rambli itu, "Nasib dan masa depan rakyat berada di tangan rakyat sendiri dan bukan di tangan bangsa lain".<sup>25</sup>

Bagi beliau, Jika bangsa Indonesia mendapat kemerdekaan dan kebebasan, Rakyat Sarawak juga turun bergembira, Sebaliknya jika bangsa Indonesia ditekan, kita juga pengsan.Beliau bertanya kepada Awang Rambli bahwa mereka harus berkeras dengan penjajah British itu dan jangan mahu mengalah.<sup>26</sup>

<sup>25</sup>Rudi Affendi Khalik, *Mat Rimau Getir perjuangan seorang melayu* (Kuching: Jenza, 1997), 32.

<sup>26</sup> Hardi Effendi, "BapaPerpaduan Sarawak", BeritaHarian (12 Januari 2015), 11.